

4.00 petang, 27.4.2025

Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAPP dan PBAHB.

## **PEMULIHAN BEKALAN SWSI APRIL 2025: PBAPP BERUSAHA UNTUK TEPATI SASARAN**

PULAU PINANG, Ahad, 27.4.2025: Walaupun terdapat kelewatan dalam menyiapkan Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP), PBAPP akan terus berusaha ke arah memulihkan bekalan air untuk semua pengguna air yang terjejas seperti yang dirancang.

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow telah mengarahkan PBAPP untuk kekal pada sasaran, seperti berikut:

Masa	Tarikh	Sasaran	Daerah
<b>10.00 malam</b>	<b>27.4.2025 (hari ini)</b>	<b>Pemulihan 88% (300,185 of 341,708 pengguna terjejas)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 100% di SPU, SPT dan DTL.</li> <li>• Majoriti pengguna di SPS dan DBD</li> </ul>
<b>10.00 pagi</b>	<b>28.4.2025 (esok)</b>	<b>Pemulihan 100%</b>	<b>Kejiranan hujung paip agihan dan kawasan tinggi di SPS dan DBD</b>

Sehingga 4.00 petang hari ini, bekalan air telah pulih untuk kira-kira 228,915 pengguna (70% pemulihan) di semua 5 daerah di Pulau Pinang: Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS), Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD).

Dengan adanya infrastruktur pengepaman air terawat yang dinaik taraf di pelbagai lokasi di kawasan perkhidmatan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, PBAPP akan mengepam sebanyak mungkin air terawat dengan selamat dari LRA terbesar Pulau Pinang dalam tempoh 24 jam akan datang.

PBAPP memohon maaf kepada semua pengguna yang terjejas atas kelewatan pemulihan bekalan air.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat

Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)